



Ruj. Kami : JPA (S)256/6 Klt.12 (66)

Tarikh : 12 Oktober 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Setiausaha Suruhanjaya Pasukan Polis

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Tuan,

**KEUTAMAAN PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN SOKONGAN
YANG MEMPUNYAI IJAZAH KE JAWATAN YANG LEBIH TINGGI
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.


2. Pada masa ini terdapat ramai pegawai Perkhidmatan Awam yang memegang jawatan di peringkat Kumpulan Sokongan mempunyai ijazah. Sehubungan itu, Kerajaan telah memutuskan supaya pegawai Kumpulan Sokongan yang mempunyai ijazah diberi keutamaan untuk mengisi jawatan di peringkat Pengurusan dan Profesional. Dasar ini akan menggalakkan siswazah menganggur untuk memohon jawatan tetap yang lebih rendah dan selepas itu memohon jawatan yang memerlukan kelayakan ijazah apabila terdapat kekosongan.

3. Selaras dengan keputusan tersebut, semua Pihak Berkuasa Melantik hendaklah memberi keutamaan kepada pegawai tetap dalam Kumpulan Sokongan yang berkelayakan ijazah dan memenuhi syarat skim perkhidmatan yang dipohon supaya dilantik ke jawatan tetap dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Di

samping itu, calon yang mempunyai kelayakan ijazah hendaklah juga diberi pertimbangan untuk dilantik ke jawatan tetap dalam Kumpulan Sokongan. Walau bagaimanapun dalam memberi pertimbangan ini, syarat lantikan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan hendaklah dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ismail Adam', with a long horizontal stroke extending to the right.

(DATO' ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA.

s.k.

Semua Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan